

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2022**

MPP 3

SEJARAH

KERTAS 1

Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



MPP 3 TAHUN 2022
SEJARAH TINGKATAN 5

1249/1

Kertas 1
Nov
1 jam


Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu, **A,B,C dan D**. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan Kerajaan Alam Melayu.



Apakah kerajaan X?

- A Gangga Negara
 - B Kedah Tua
 - C Srivijaya
 - D Angkor
- 2 Rajah berikut sistem Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka yang tersusun dan berhierarki.



Apakah peranan pembesar diperingkat jajahan?

- I Mengutip cukai
 - II Menjaga keamanan
 - III Mengurus pembendaharaan
 - IV Mengawal aktiviti perdagangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 3 Raja-raja Thailand membentuk imej negara Thailand sebagai negara yang bersahabat dengan Barat.

Mengapakah mereka bertindak sedemikian?

- A Mempertahankan kedaulatan
- B Melindungi keluarga diraja
- C Menghalang kebangkitan rakyat
- D Menguasai negara jiran

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh nasionalisme tempatan.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Mat Salleh• Haji Abdul Rahman Limbong |
|--|

Apakah ciri perjuangan tokoh di atas?

- A Organisasi sistematik
- B Bersifat setempat
- C Perjuangan yang radikal
- D Mempunyai penulisan kreatif

- 5 Bagaimanakah Perang Dunia Kedua (1939-1941) bermula di Eropah?

- A Rusia menduduki Berlin
- B Itali menceroboh Perancis
- C Austria mengancam Serbia
- D Jerman menyerang Poland

6

Tarikh	Peristiwa
8 Disember 1941	Jepun menyerang Pearl Harbour

Mengapakah Jepun melakukan serangan tersebut?

- A Menjamin pasaran yang berterusan
- B Menguasai bekalan bahan mentah
- C Menamatkan sistem pemerintahan monarki di Asia Pasifik
- D Melumpuhkan armada laut Amerika Syarikat

7 Apakah persamaan jasa tokoh berikut terhadap Tanah Melayu?



Dato' Nik Ahmad Kamil



Halimahton Abd Majid

- A Menentang pelaksanaan Malayan Union
- B Memajukan pendidikan anak tempatan
- C Mempertahan sistem pemerintahan beraja
- D Menghalang perkembangan Parti Komunis Malaya

8 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan politik di Tanah Melayu selepas Perang Dunia ke-2.

Tarikh	Peristiwa
1 April 1946	Gagasan Malayan Union dilaksanakan di Tanah Melayu

Mengapakah orang Melayu menentang penubuhannya?

- A Undang-undang tradisional tamat
- B Kuasa Raja-raja Melayu dimansuhkan
- C Singapura dipisahkan daripada persekutuan
- D Taraf warganegara kaum imigran tidak diiktiraf


- 9 Rajah berikut menjelaskan latar belakang Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.



Apakah cadangan Jawatankuasa Kerja?

- A Menubuhkan Dewan Parlimen
 - B Menyatukan golongan radikal
 - C Memulih kedaulatan Raja-raja Melayu
 - D Menjaga kepentingan ekonomi British
- 10 Apakah kesan peristiwa penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap perjuangan orang Melayu?
- A Berkuasa mengawal pentadbiran
 - B Parti-parti politik digabungkan
 - C Syarat kerakyatan dipermudah
 - D Diiktiraf sebagai penduduk asal
- 11 Bagaimanakah ideologi komunis disebar di Tanah Melayu?
- I Menyusup masuk dalam Kesatuan Sekerja
 - II Melalui hubungan antara kerajaan
 - III Interaksi antara kumpulan pedagang
 - IV Pembukaan cawangan Parti Kuomintang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 12 Gambar berikut adalah tindakan yang dilakukan oleh penganas komunis di Tanah Melayu.



Ladang getah dan rumah kediaman yang telah dibakar oleh komunis.

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Memiliknegerakan sektor perusahaan
- B Menyusun semula sistem pemilikan
- C Menentang amalan buruh paksa
- D Melumpuhkan ekonomi British

- 13 Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

Tahun	Peristiwa
1949	Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

- A Mengutamakan perpaduan antara kaum
- B Memantapkan pengurusan pendidikan
- C Menghentikan perdagangan antarabangsa
- D Mengurangkan pengaruh golongan radikal

- 14 Mengapakah pembentukan Sistem Ahli penting di Tanah Melayu?

- A Pengkalan sistem pentadbiran tradisional
- B Persediaan ke arah berkerajaan sendiri
- C Pengukuhan kuasa politik bumiputera
- D Penjimatan perbelanjaan kerajaan

- 15 Pernyataan berikut berkaitan dengan pilihan raya peringkat negeri.

Tarikh	Keputusan
1954	Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi yang dipertandingkan

Apakah kesan keputusan kemenangan tersebut?

- A Pelaksanaan pilihan raya adalah telus
 - B Kerjasama kaum mendapat sokongan
 - C Calon berwibawa menjadi pilihan utama
 - D Rakyat menyokong terhadap kemerdekaan
- 16 Apakah kesan penubuhan majlis berikut terhadap negara?
- Majlis Perundangan Persekutuan 1955
- A Institusi raja diperkukuhkan
 - B British memberikan kemerdekaan
 - C Kuasa mentadbir di tangan rakyat tempatan
 - D Tanah Melayu bebas daripada ancaman komunis
- 17 Raja-raja Melayu telah mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Cadangan yang manakah terkandung dalam memorandum tersebut?

- A Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
- B Ketua Menteri mengetuai pentadbiran kerajaan
- C Undang-undang tempatan dikuatkuasakan
- D Syarat kewarganegaraan dikaji semula

18 Apakah intipati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Proses pelaksanaan pilihanraya
- II Dasar Pendidikan Kebangsaan
- III Syarat kewargenegaraan
- IV Kedudukan Bahasa Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Tokoh berikut telah memberikan sumbangan yang besar terhadap negara masing-masing.

- Mahatma Ghandi
- Nelson Mandela

Apakah matlamat perjuangan tokoh tersebut?

- A Menyatukan rakyat
- B Menamatkan penindasan
- C Membentuk negara bangsa
- D Menentang institusi beraja

20 Gambar menunjukkan Tunku Abdul Rahman dan rombongan menuju ke Padang Bandar Hilir Melaka untuk Pengisytiharaan Merdeka.



Apakah simbolik Tunku Abdul Rahman mengangkat tangan ke udara pada masa tersebut?

- A Kedaulatan negara telah dicapai
- B Kedaulatan negara dalam genggaman
- C Kedaulatan negara perlu dipertahankan
- D Kedaulatan negara tanggungjawab rakyat

[Lihat halaman sebelah

- 21 Apakah sumbangan anda terhadap sebuah negara merdeka?
- A meninggalkan norma-norma tradisional bangsa
 - B meningkatkan usaha untuk kepentingan peribadi
 - C menyumbang idea untuk bangsa
 - D memperkasa pengaruh asing
- 22 Apakah kepentingan konsep daulat dalam sistem politik Melayu tradisional?
- I Memperkukuh kedudukan raja-raja
 - II Memperluas peranan golongan pembesar
 - III Menyekat peluasan pengaruh kuasa asing
 - IV Mengikat kesetiaan rakyat terhadap raja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 23 Perlembagaan memperuntukkan kuasa budi bicara kepada Yang di-Pertuan Agong.
- Apakah bidang kuasa baginda?
- A Mengawal perbelanjaan kerajaan
 - B Melantik diplomat ke luar negara
 - C Mengetuai perkhidmatan awam
 - D Mengubah sempadan negeri
- 24 Malaysia telah mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.
- Pernyataan yang manakah berkaitan dengan sistem tersebut?
- I Badan Kehakiman merangka undang-undang
 - II Penglibatan rakyat dalam pentadbiran
 - III Yang di-Pertuan Agong ketua utama negara
 - IV Majlis Raja-Raja menggubal perlembagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan pembahagian kuasa dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pembahagian Kuasa
<ul style="list-style-type: none"> • Senarai Persekutuan • Senarai Negeri • Senarai Bersama

Antara yang berikut, perkara manakah terletak di bawah Senarai Persekutuan?

- I Pertahanan
- II Pendidikan
- III Hal Ehwal Tanah
- IV Undang-undang Islam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 26 Jadual berikut berkaitan dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri untuk kesejahteraan rakyat.

Program Kerajaan Persekutuan	Program Kerajaan Negeri
Perbadanan Perumahan 1 Malaysia (PRIMA) Rumah Mesra Rakyat	Rumah Selangorku (Selangor) Rumah Mampu Milik Johor (Johor)

Mengapakah kerjasama tersebut dilakukan?

- A Mengatasi masalah setinggan di bandar
- B Meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar
- C Menyelesaikan masalah perumahan golongan miskin
- D Membantu golongan pertengahan memiliki kediaman

- 27 Pada 23 Julai 1961, Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan di Singapura..

Mengapakah JSKM ditubuhkan?

- A Mengumpul pandangan pembentukan Malaysia
- B Menilai pengaruh parti berhaluan kiri
- C Mengekalkan sistem pentadbiran British
- D Mengukuhkan kesetiaan rakyat terhadap kerajaan

28 Apakah kesan peristiwa berikut?

Tahun	Peristiwa
1965	Jeneral Soeharto telah mengambil alih kuasa pemerintahan daripada Presiden Soekarno

- A Perang dunia merebak
- B Sistem beraja dipulihkan
- C Pakatan tentera dibentuk
- D Dasar konfrontasi berakhir

29 Pemisahan Singapura menjadi cabaran utama selepas pembentukan Malaysia.

Apakah faktor pemisahan tersebut?


- I Hak sama rata
- II Konflik perkauman
- III Masalah kepimpinan
- IV Ancaman keselamatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Apakah langkah yang diambil oleh Malaysia untuk mengatasi masalah peristiwa 13 Mei 1969?

- A Mendapatkan bantuan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- B Membentuk Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)
- C Melaksanakan Operasi Hammer
- D Merangka Rancangan Pembangunan Malaysia

- 31 Maklumat berkaitan usaha kerajaan memperkasakan perpaduan selepas negara merdeka



Apakah matlamat penubuhan institusi tersebut?

- A Memajukan ekonomi
- B Melicinkan pentadbiran
- C Memupuk perpaduan kaum
- D Mengukuhkan sistem perhubungan

- 32 Maklumat berikut berkaitan dasar pendidikan kebangsaan.

Jawatankuasa X	Jawatankuasa Y
Bahasa pengantar Melayu	Sistem persekolahan aneka jurusan
Kurikulum yang sama	Kursus kemahiran
Penekanan kepada mata pelajaran Sejarah	Mewujudkan sekolah kebangsaan

Apakah X dan Y?

- I Laporan Rahman Talib
- II Laporan Penyata Razak
- III Jawatankuasa Kabinet
- IV Kajian Aminuddin Baki

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 34 Apakah tujuan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memperkenalkan logo dan slogan tersebut?



Logo slogan "Bahasa Jiwa Bangsa"

- A Melahirkan masyarakat bersatu melalui bahasa
 B Menjadikan medium utama dalam perundangan
 C Menggalakkan penyelidikan dan rujukan
 D Mengembangkan bidang penerbitan
- 34 Apakah matlamat penubuhan Majlis Perundingan Negara (MAPEN)?
- I Mewujudkan kerjasama kaum
 II Memupuk identiti kebangsaan
 III Membasmi kemiskinan
 IV Merapatkan jurang sosioekonomi
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 35 Maklumat berkaitan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Tarikh Penubuhan	Matlamat
1 Julai 1956	Lembaga telah ditubuhkan untuk melaksanakan pembukaan tanah baharu.

Apakah kesan pembukaan tanah baharu tersebut?

- A Harga komoditi meningkat
 B Sektor perindustrian berkembang
 C Bilangan usahawan bertambah
 D Taraf hidup rakyat meningkat

36 Pada tahun 1963, Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO) telah ditubuhkan.

Apakah tujuan penubuhan tersebut?

- A Menyelesaikan persengketaan
- B Meningkatkan ekonomi serantau
- C Memperkukuh kebudayaan nusantara
- D Menggalakkan semangat kesukanan

37 Malaysia menentang dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan.

Mengapakah Malaysia bertindak sedemikian?

- A Kebebasan beragama disekat
- B Dasar komunis diamalkan
- C Diskriminasi kaum dilaksanakan
- D Hubungan dagang terhad

38 Maklumat berikut berkaitan dengan AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN)

AFTA bertujuan menjadikan kawasan ASEAN tempat produksi barangan keluaran negara ASEAN. Malaysia bersetuju meningkatkan perdagangan sesama anggota ASEAN

Mengapakah Malaysia bersetuju menyertai pertubuhan tersebut?

- A Meningkatkan imej negara
- B Memajukan bidang teknikal
- C Menurunkan kadar mata wang
- D Mengurangkan tarif dan cukai

39 Apakah bentuk bantuan yang disalurkan oleh sukarelawan bagi membantu rakyat Syria yang menghadapi krisis?

- I Pendidikan
- II Kebudayaan
- III Perdagangan
- IV Perubatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 40 Gambar menunjukkan Anugerah Langkawi yang disiytharkan oleh Malaysia.



Apakah kriteria melayakkan seseorang menerima anugerah tersebut?

- A Memajukan inovasi ternakan
- B Menaikkan bidang pelancongan
- C Membangunkan bidang alam sekitar
- D Melakukan penyelidikan dalam perubatan

KERTAS SOALAN TAMAT